

## KEMPEN VISA 2018 FIFA WORLD CUP™

### **TEMPOH KEMPEN**

“Kempen Visa 2018 FIFA World Cup™” Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) (“Kempen”) akan bermula pada 1 Februari 2018 pada pukul 00:00:00 jam (12:00pm Waktu Malaysia) dan berakhir pada 31 Mac 2018 pada pukul 23:59:59 jam (11:59pm Waktu Malaysia) termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

### **KELAYAKAN**

1. Kempen terbuka kepada Pemegang Kad Utama baharu dan sedia ada Kad Kredit / Kad Debit Visa HLB (termasuk Mach) (“Kad HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Kempen seperti yang dibentangkan dalam Fasal 2 di bawah (“Pemegang Kad Layak”).

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama baharu Kad HLB bermaksud pelanggan tidak mempunyai sebarang Kad HLB sebelum Tempoh Kempen dan telah memohon Kad HLB dan Kad HLB tersebut diluluskan semasa Tempoh Kempen.

2. Yang berikut ini TIDAK layak menyertai Kempen:
  - a) Pemegang Kad Kredit / Debit HLB yang dikeluarkan di luar Malaysia;
  - b) Pemengang Kad yang tidak lagi memegang apa-apa Kad Kredit / Kad Debit HLB dan / atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
  - c) Pemegang Kad yang telah melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - d) Pemegang Kad yang merupakan kakitangan HLB dan HLISB sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB dan HLISB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan peraduan) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (misalnya, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik).

### **KAEDAH PERBELANJAAN RUNCIT KAD**

3. Butir-butir Hadiah Kempen dan kriteria bagi memperoleh Penyertaan Kelayakan dipaparkan dalam jadual di bawah:

Hadiyah Kempen (Kategori)	Hadiyah ini meliputi	Penyertaan Kelayakan
<b>Hadiyah Utama X 1</b> Pakej 5H4M untuk 2 orang ke Peringkat Separuh Akhir 2018 FIFA World Cup™ di Moscow, Russia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sepasang tiket kapal terbang pergi balik Kelas Ekonomi dari Kuala Lumpur ke Moscow</li><li>• 4 malam penginapan di Moscow Marriott Hotel Novy Arbat dengan sarapan harian untuk 2 orang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 Penyertaan Kelayakan bagi setiap Perbelanjaan Runcit Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dengan Kad HLB bagi perbelanjaan dalam negara atau antarabangsa termasuk Visa payWave semasa Tempoh Kempen</li></ul>
<b>Hadiyah Kedua X 1</b> Pakej 5H4M untuk 2 orang ke Pusingan 16 2018 FIFA World Cup™ di Moscow, Russia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiket Perlawanan Kategori 1 FIFA untuk 2 orang</li><li>• Semua pengangkutan darat berjadual di Moscow</li><li>• Aktiviti/lawatan bekumpulan</li></ul>	<p><b>Kriteria bagi memperoleh Penyertaan Kelayakan tambahan*</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• 100 Penyertaan Kelayakan kerana berjaya mengemukakan Borang Butiran Perjalanan (rujuk kepada Fasal 7)</li><li>• 50 Penyertaan Kelayakan bagi Pemenang Peraduan Facebook (rujuk kepada Fasal 23-29)</li></ul>

<b>Hadiyah Kempen (Kategori)</b>	<b>Hadiyah ini meliputi</b>	<b>Penyertaan Kelayakan</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk Visa Prepaid</li> <li>• Sokongan pasukan acara Visa di lapangan</li> </ul>	<p>* Penyertaan Kelayakan tambahan mestilah mempunyai Perbelanjaan Runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dengan Kad HLB bagi perbelanjaan dalam negara atau antarabangsa termasuk Visa payWave</p>

4. "Perbelanjaan Runcit" bermaksud perbelanjaan runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan/atau mata wang lain, sama ada dibuat dalam talian atau di tempat jualan runcit berkenaan yang berjaya dicaj kepada Kad HLB. Perbelanjaan Runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi. Bagi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
  - a) Pengeluaran wang tunai daripada mana-mana ATM;
  - b) Produk portfolio seperti Pindakan Baki, Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus dan Pelan Bayaran Fleksi;
  - c) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, berunsur penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - d) Apa-apa bentuk perkhidmatan lain atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh HLB.
5. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, organisasi niaga, pihak pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
6. Perbelanjaan Runcit yang dibuat oleh pemegang kad Tambahan di bawah akaun Kad HLB Pemegang Kad Utama yang sama akan turut dimasukkan dalam pengiraan jumlah Perbelanjaan Runcit Pemegang Kad Utama.
7. Selain itu, untuk memperoleh tambahan satu ratus (100) Penyertaan Kelayakan, Pemegang Kad Layak dikehendaki mengemukakan Borang Butiran Perjalanan mereka yang telah diisi selengkapnya semasa Tempoh Kempen dan Pemegang Kad Layak dikehendaki membelanjakan sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) semasa Tempoh Kempen dengan Kad HLB mereka untuk memperoleh Penyertaan Kelayakan. Borang Butiran Perjalanan boleh didapati di [www.hlb.com.my/plan](http://www.hlb.com.my/plan). Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak hanya boleh mengemukakan satu Borang Butiran Perjalanan semasa Tempoh Kempen. Borang Butiran Perjalanan ialah bagi tujuan HLB berkongsi tawaran / promosi perjalanan bagi tahun 2018 dengan Pemegang Kad Layak.

#### **PEMILIHAN PEMENANG KEMPEN**

8. Berdasarkan Penyertaan Kelayakan yang diperolehi, dua puluh (20) Pemegang Kad Layak akan ditapis berdasarkan sistem pemilihan rambang berkomputer ("Pemegang Kad Layak Ditapis"). Seterusnya Pemegang Kad Layak Yang Ditapis akan dihubungi oleh HLB atau pihak pengurusan peraduan lantikannya, iaitu Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) ("Dynamic Search"), untuk sesi soal jawab untuk menjawab dua (2) soalan.
9. Dua (2) Pemegang Kad Layak Ditapis yang dapat menjawab 2 soalan dengan betul semasa sesi soal jawab dalam masa terpantas akan menjadi pemenang Hadiah Kempen.
10. Pemegang Kad Layak Ditapis yang dapat menjawab dengan betul semasa sesi soal jawab dalam masa terpantas akan berhak memenangi Hadiah Utama ("Pemenang Hadiah Utama") dan masa kedua terpantas akan berhak memenangi Hadiah Kedua ("Pemenang Hadiah Kedua"). Jika berlaku seri, iaitu kedua-dua Pemegang Kad Layak Ditapis berjaya menjawab 2 soalan dengan betul dalam masa terpantas yang sama, maka Pemegang Kad Layak Ditapis yang mempunyai Penyertaan Kelayakan yang tertinggi akan menjadi Pemenang Hadiah Utama.



worldwide partner

Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Kedua secara kolektif dikenali sebagai "Pemenang Kempen" dan Hadiah Utama dan Hadiah Kedua secara kolektif dikenali sebagai "Hadiah Kempen".

11. Pada dasarnya Pemegang Kad Layak berkewajipan memberi nombor telefon bimbit yang terkini, sah dan tepat dan HLB serta juga Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB atau Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Layak yang ditapis atas apa jua sebab sekalipun.
12. Jika sekiranya Pemegang Kad Layak Ditapis tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama atas apa jua sebab sekalipun dan/atau Pemegang Kad Layak Ditapis ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil HLB, maka dia akan terlucut kelayakan daripada menyertai Kempen.

#### **HADIAH KEMPEN**

13. Hadiah Kempen **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
  - a) Permohonan visa/ waran/pasport dan fi berkenaan (jika ada);
  - b) Pengangkutan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pergi balik;
  - c) Insurans / Takaful Perjalanan;
  - d) Caj bagasi tangan tambahan;
  - e) Pengangkutan, makan minum, acara, aktiviti dan perkhidmatan yang bukan dalam program yang dijadualkan;
  - f) Caj sampingan hotel (misalnya, telefon, Wi-Fi, mini bar, dobi, perkhidmatan bilik, permohonan naik taraf bilik dan sebagainya);
  - g) Penampilan atlet (jika ada);
  - h) Perkhidmatan terjemahan di lapangan (jika ada); and
  - i) Apa-apa cukai berkenaan.
14. Pemenang Kempen berhak mencalonkan SEORANG (1) rakan perjalanan ("Rakan Perjalanan") untuk menikmati Hadiah Kempen dan Rakan Perjalanan itu mestilah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun ke atas pada tarikh 31 Mei 2018 dan dikehendaki melakukan perjalanan dan menonton 2018 FIFA World Cup™ yang dijadualkan pada tarikh yang akan ditetapkan. Sekiranya Pemenang Kempen dan/atau Rakan Perjalanan tidak dapat melakukan perjalanan pada tarikh yang ditetapkan atas apa jua sebab sekalipun, mereka akan terlucut kelayakan daripada memenangi Hadiah Kempen. Akan tetapi, Pemenang Kempen boleh menikmati Hadiah Kempen tanpa disertai Rakan Perjalanan, yakni Pemenang Kempen boleh pergi ke Moscow bersendirian.
15. Pemenang Kempen dan Rakan Perjalanan hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan untuk mendapat segala dokumen yang diperlukan untuk pergi ke Moscow menyaksikan 2018 FIFA World Cup™. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk mendapatkan dokumen perjalanan yang dikehendaki itu bagi pihak Pemenang Kempen dan rakan seperjalanan mereka.
16. HLB TIDAK akan menyediakan gantian bagi Hadiah Kempen berdasarkan hal-hal yang berikut:
  - a) Pemenang Kempen dan/atau Rakan Perjalanan gagal mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk pergi ke Moscow, Russia;
  - b) Pemenang Kempen tidak dapat melakukan perjalanan pada tarikh yang ditetapkan dan/atau menolak Hadiah Kempen dan memohon gantian pakej/produk; atau
  - c) 2018 FIFA World Cup™ diubah, dibatalkan, dijadualkan semula dan/atau ditunda.
17. HLB tidak memberi kepastian atau jaminan kepuasan tentang Hadiah Kempen. HLB tidak mempunyai kawalan atas apa-apa persediaan dan pengelolaan acara, program dan jadual (termasuk tetapi tidak terhad kepada penerbangan ditunda atau dibatalkan oleh syarikat penerbangan berkenaan), oleh itu tidak akan bertanggungjawab terhadap perubahan atau pembatalan apa-apa acara, program dan jadual.



worldwide partner

18. Pemberian Hadiah Kempen adalah atas dasar "Sebagaimana Ada", dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang, sama ada sebahagian atau keseluruhan.

#### **PEMENUHAN HADIAH KEMPEN**

19. Akaun Kad HLB Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen ini dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB dan/atau Terma dan Syarat Kad Debit HLB pada masa Hadiah Kempen itu dihadiahkan; jika tidak dia akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah Kempen.
20. HLB akan mengumumkan keputusan Kempen dalam masa lapan (8) minggu dari tamatnya Tempoh Kempen dengan cara yang dianggap wajar oleh HLB.
21. Pengeluaran tiket penerbangan:
- a) Surat pengesahan akan dihantar kepada Pemenang Kempen di alamat pengebilan mereka seperti yang terdapat dalam sistem HLB dalam masa lapan (8) minggu dari tamatnya Tempoh Kempen untuk mengesahkan maklumat peribadi Pemenang Kempen dan rakan seperjalanan yang dinamakan. Pemegang Kad Layak mestilah memberi alamat pengebilan mereka yang terkini, sah dan tepat kepada HLB. Pada dasarnya Pemenang Kempen berkewajipan menghubungi HLB selewat-lewatnya 31 Mei 2018 sekiranya tidak menerima surat pengesahan tersebut; jika gagal berbuat demikian Pemenang Kempen akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah Kempen dan sebarang rayuan tidak akan dilayani oleh HLB.
  - b) Pemenang Kempen mestilah mengesahkan pengeluaran tiket penerbangan dengan butiran Rakan Perjalanan dalam masa dua (2) hari kerja dari pertama kali dihubungi oleh wakil HLB atau agensi pelancongan untuk pengurusan penerbangan.
  - c) Jika sekiranya Pemenang Kempen tidak dapat melakukan perjalanan pada hari yang ditetapkan atas apa jua sebab sekalipun, biarpun Rakan Perjalanan mereka boleh melakukan perjalanan pada tarikh yang ditetapkan, namun Pemenang Kempen akan terlucut kelayakannya daripada mendapat Hadiah Kempen dan dengan itu secara automatik Rakan Perjalanan tidak layak untuk perjalanan itu.
  - d) Pemenang Kempen dan Rakan Perjalanan dikehendaki melakukan perjalanan bersama-sama dari Kuala Lumpur ke Moscow, Russia dengan penerbangan pergi balik Kelas Ekonomi.
  - e) Jika sekiranya Pemenang Kempen gagal mematuhi segala terma dan syarat di dalam ini, maka Pemenang Kempen akan terlucut kelayakannya tanpa mendapat apa-apa pampasan dan akan diganti dengan Pemegang Kad Layak Ditapis berikut dengan masa kedua terpantas yang berjaya menjawab soalan-soalan dengan betul, atas budi bicara HLB.
  - f) Pengeluaran tiket penerbangan adalah tertakluk kepada dasar syarikat penerbangan dan apa-apa terma dan syarat am tiket penerbangan itu. Terma dan syarat tersebut adalah di luar kawalan HLB dan ditentukan oleh syarikat penerbangan dan apa-apa pertanyaan / pertikaian berkenaan tiket penerbangan hendaklah diselesaikan antara Pemenang Kempen dengan syarikat penerbangan berkenaan tanpa meminta bantuan HLB.
22. Pengumuman Pemenang Kempen (iaitu nama dan nombor Kad HLB yang terlindung) juga akan dibuat dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") dalam masa lapan (8) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen.

#### **KAEDAH PERADUAN FACEBOOK**

23. Peraduan Facebook ("Peraduan") terbuka kepada seluruh individu di Malaysia (termasuk warga asing) ("Peserta") dan butiran Peraduan seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah ini:

Pusingan	Tarikh & Waktu	Bilangan Pemenang Peraduan	Tarikh Pengumuman Pemenang Peraduan	Barangan bertema Visa 2018 FIFA World Cup™ ("Hadiah Peraduan")
1	5 Februari 2018; 9pagi–11.59malam	50	12 Februari 2018	Buku nota

Pusingan	Tarikh & Waktu	Bilangan Pemenang Peraduan	Tarikh Pengumuman Pemenang Peraduan	Barangan bertema Visa 2018 FIFA World Cup™ ("Hadiah Peraduan")
2	19 Februari 2018; 9pagi–11.59malam	50	26 Februari 2018	Botol air
3	5 Mac 2018; 9pagi–11.59malam	50	12 Mac 2018	Topi Adidas
4	19 Mac 2018; 9pagi–11.59malam	50	26 Mac 2018	Dompet kulit RFID

24. Untuk menyertai Peraduan, Peserta dikehendaki untuk:
- 'like' laman rasmi Facebook Hong Leong Bank; dan
  - hantar/jawab/undi jawapan mereka dalam kotak komen gambar/posting yang dikongsi dalam laman rasmi Facebook Hong Leong Bank mengikut Tarikh dan Waktu yang digambarkan dalam jadual dalam Fasal 23 di atas; dan
  - tag tiga (3) kawan Facebook; dan
  - hashtag #myHLBjourney di kotak komen.
25. Peserta yang telah berjaya mengemukakan jawapan mereka dan mematuhi segala kriteria dalam Fasal 24 di atas akan berpeluang memenangi Hadiah Peraduan ("Peserta Layak").
26. Pemenang Peraduan (seperti ditakrif dalam Fasal 29 di bawah) akan berhak menerima lima puluh (50) Penyertaan Kelayakan jika sekiranya Pemenang Peraduan memegang sekurang-kurangnya satu Kad HLB dan membuat Perbelanjaan Runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi apa-apa perbelanjaan dalam negara atau antarabangsa termasuk Visa payWave dalam Tempoh Kempen.

#### **PEMILIHAN PEMENANG PERADUAN**

27. Seramai satu ratus (100) Peserta Layak akan ditapis bagi setiap Pusingan berdasarkan sistem pemilihan rambang berkomputer ("Peserta Layak Ditapis"). Peserta Layak Ditapis akan dihubungi oleh HLB melalui akaun rasmi Facebook Hong Leong Bank untuk mendapatkan nombor telefon bimbit dan No. Kad Pengenalan/pasport Peserta Layak Ditapis itu. Peserta Layak Ditapis dikehendaki memberi maklum balas kepada HLB dalam masa 12 jam setelah menerima pemberitahuan tersebut, jika tidak Peserta Layak Ditapis dianggap terlucut kelayakan bagi Peraduan ini dan HLB berhak memilih Peserta Layak Ditapis yang berikutnya.
28. Seterusnya Peserta Layak Ditapis akan dhubungi oleh HLB atau pihak pengurusan peraduan lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) ("Dynamic Search") untuk sesi soal jawab untuk menjawab dua (2) soalan. Oleh itu pada dasarnya Peserta Layak Ditapis berkewajipan memberi nombor telefon bimbit mereka yang terkini, sah dan tepat kepada HLB, kerana HLB atau Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB atau Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Layak Ditapis atas apa juar sebab sekalipun.
29. Lima puluh (50) Peserta Layak Ditapis bagi setiap Pusingan yang dapat menjawab paling banyak soalan dalam masa terpantas semasa sesi soal jawab akan menjadi pemenang Hadiah Peraduan bagi setiap Pusingan dan/atau akan dihadiahkan dengan lima puluh (50) Penyertaan Kelayakan ("Pemenang Peraduan"). Jika berlaku seri, iaitu lebih daripada lima puluh Peserta Layak Ditapis berjaya menjawab 2 soalan dengan betul dalam masa terpantas yang sama, maka lima puluh teratas Peserta Layak Ditapis dengan posting terawal akan menjadi Pemenang Peraduan bagi setiap Pusingan.

#### **PEMENUHAN HADIAH PERADUAN**

30. Pemenang Peraduan akan diberitahu oleh HLB melalui telefon atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB tentang Tarikh Pengumuman Pemenang Peraduan seperti tersenarai dalam Fasal 23 di atas dan Pemenang Peraduan akan memberi pengesahan kepada HLB mengenai Cawangan HLB tempat Pemenang Peraduan ingin menebus Hadiah Peraduan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh HLB.
31. Pemenang Peraduan dikehendaki datang ke Cawangan HLB mengikut pengesahan yang mereka beri untuk tujuan penentusan biometrik dan kad pengenalan dalam masa lapan (8) minggu dari Tempoh Kempen atau dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh HLB, supaya datang mengambil Hadiah Peraduan, jika gagal berbuat demikian maka Hadiah Peraduan akan dilupuskan dan sebarang rayuan untuk pembayaran ganti Hadiah Peraduan tidak akan dilayani oleh HLB.
32. Pemberian Hadiah Peradaan adalah atas dasar "Sebagaimana Ada" dan HLB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Hadiah Peraduan yang hilang, koyak atau rosak dan sebarang permohonan untuk penggantian atau penukaran Hadiah Peraduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pertukaran warna / saiz Hadiah Peraduan) tidak akan dilayani oleh HLB.

#### **UMUM**

33. Setiap Pemegang Kad Layak berhak memenangi satu (1) Hadiah Kempen dan/atau Hadiah Peraduan sepanjang Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Layak boleh memenangi satu Hadiah Kempen (sama ada Hadiah Utama atau Hadiah Kedua, tetapi tidak kedua-duanya) dan satu Hadiah Peraduan. Bagi Peraduan pula, Pemegang Kad Layak berhak memenangi lebih daripada 1 Hadiah Peraduan. Bagaimanapun, Pemegang Kad Layak hanya boleh memenangi 1 Hadiah Pertaduan bagi setiap Pusingan.

Pemenang Kempen dan Pemenang Peraduan secara kolektif dikenali sebagai "Pemenang" dan Hadiah Kempen dan Hadiah Peraduan secara kolektif disebut "Hadiah".

34. Sebarang pertikaian berkaitan dengan Hadiah atau mana-mana terma dan syarat mengenainya hendaklah diselesaikan secara terus oleh Pemenang dengan pihak pengedar, pembekal bertauliah dan/atau pihak operasi perkhidmatan masing-masing tanpa meminta bantuan HLB. HLB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau waranti Hadiah atau mana-mana terma dan syarat mengenainya.
35. Jika sekiranya Hadiah Kempen tidak diterima, maka Pemenang Kempen dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan HLB di 03-7626 8899 selewat-lewatnya 31 Mei 2018 untuk memohon siasatan. Sebarang permohonan untuk siasatan selepas 31 Mei 2018 tidak akan dilayani.
36. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak dengan ini memahami dan bersetuju seperti berikut:
  - a) Pemegang Kad Layak telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB dan Terma dan Syarat Kad Debit HLB yang boleh disemak di Laman Web HLB;
  - b) Semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang terakam dalam sistem HLB dalam masa Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c) Keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini dan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyerat tidak akan dilayani;
  - d) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirunding dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
  - e) Mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;

- f) Bersetuju nama, Nombor Kad Pengenalan / nombor pasport (dalam bentuk terlindung dan / atau foto mereka disiarkan dan dipaparkan dalam Laman Web HLB);
  - g) HLB dibenarkan mendedahkan butir-butir Pemegang Kad Layak (misalnya, nama, alamat, nombor telefon) kepada Dynamic Search dan/atau agensi pelancongan berkenaan bagi tujuan pemenuhan keperluan Kempen ini;
  - h) HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah kepada Pemegang Kad Layak dan HLB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Peraduan yang hilang, dicuri atau cacat (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pemenang atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri hendaklah berurus secara terus dengan syarikat pembekal dan/atau syarikat pembuat bagi sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Hadiah tanpa meminta bantuan HLB;
  - i) Hadiah akan disediakan atas dasar "sebagaimana ada". Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Ganjaran dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian Ganjaran itu; dan
  - j) Terma & Syarat di dalam ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB dan Terma dan Syarat Kad Debit HLB hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB dengan Terma dan Syarat Kad Debit HLB, maka Terma & Syarat tertentu hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
37. HLB berhak:
- a) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB, menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Kempen dan/atau layak menerima Hadiah;
  - b) Menentukan transaksi yang tergolong dalam takrif "Perbelanjaan Runcit";
  - c) Menolak Borang Butiran Perjalanan yang dianggap tidak lengkap oleh HLB;
  - d) Melupuskan Hadiah jika sekiranya Tema & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
  - e) Meminda dan/atau menggantikan Hadiah-hadiah di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilanya atas budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
  - f) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, keseluruhan atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dan Peraduan, menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Layak tentang menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat atau menamatkan Kempen ini dan Peraduan.
38. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran transaksi jualan oleh rakan seku tu kad, organisasi niaga, pihak pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
39. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
40. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, publisiti, promosi dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
41. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.